

# 'Berlumba' anak pandai cetus konflik

**Serdang:** Persaingan dalam klangan keluarga moden untuk memastikan anak pandai dalam pendidikan rasmi seawal mungkin dengan beranggapan menghantar mereka ke pusat asuhan yang mahal boleh mencapai matlamat itu, berupaya mencipta budaya tidak sihat.

Budaya tidak sihat itu dikhuatiri boleh mencetuskan konflik antara kehendak ibu bapa, yang mahu anak pandai dalam pendidikan pada usia awal dengan keperluan kanak-kanak itu sendiri.

Malah, budaya mewajibkan anak supaya boleh membaca seawal usia lima tahun atau sebelum menjakkan kaki ke sekolah, adalah standard yang salah jika ia mengakibatkan tekanan kepada kanak-kanak sehingga membebangkan mereka.

Perkara itu diakui pakar psikologi, Siti Fatimah Abdul Ghani, yang menyifatkan budaya itu jika berterusan dikhuatiri memberi kesan kepada komuniti sosial pada masa depan, di mana masyarakat akan menghasilkan satu kelompok orang tua di dalam fizikal kanak-kanak.

"Sekarang ramai terikut *trend* anak pada usia empat hingga enam tahun perlu pandai membaca, dan jika pada usia itu be-

lum boleh membaca, ibu bapa akan rasa teruk dan kekurangan sedangkan perkara ini tidak sepatutnya berlaku.

"Standard itu boleh diwujudkan tetapi jika menjadi satu bebanan, ia sudah salah.

"Mereka kena faham anak berbeza dari segi personaliti, bakat dan kemampuan. Umpama ikan hebat di dalam air, maka janganlah suruh ikan panjat pokok.

"Perkembangan kognitif anak bermula pada usia awal empat tahun, yang mana ketika itu mereka mula nak memahami mengenai emosi, perasaan dan komunikasi di mana pendidikan secara rasmi secara santai baharu sesuai didedahkan ketika ini.

*Ibu bapa kena ingat anak yang pandai membaca pada usia tiga tahun belum tentu pada usia 30 tahun dia jadi profesor.*

**Siti Fatimah Abdul Ghani,  
Pakar psikologi**

"Jika mahu diberi pendedahan bawah usia empat tahun, tidak salah, tetapi jangan sampai memberi penekanan kerana kebolehan anak membaca seawal mungkin sebenarnya adalah kehendak ibu bapa bukannya kehendak kanak-kanak itu," katanya.

Siti Fatimah yang juga Pegawai Psikologi Kanan Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata kehendak ibu bapa yang terlalu tunduk kepada desakan sosial itu bukannya memperkasakan anak, sebaliknya berisiko memudaratkan perkembangan mereka.

Beliau berkata, pihaknya bimbang budaya itu akan mencipta situasi 'kanak-kanak tua sebelum usia,' berikutan melawan perkembangan semula jadi anak yang sepatutnya melalui zaman keseronokan dengan bermain tanpa perlu dibebani masalah orang dewasa.

"Ibu bapa kena ingat anak yang pandai membaca pada usia tiga tahun belum tentu pada usia 30 tahun dia jadi profesor. Sebenarnya anak pada usia bayi hingga enam tahun, pembelajaran paling kuat adalah tidak rasmi seperti disiplin dan adab," katanya.

Siti Fatimah berkata, tiada masalah bagi ibu bapa yang ber-

kemampuan untuk menghantar anak ke pusat asuhan yang mahal atau terbaik, namun tindakan itu tidak tepat jika mereka mengharapkan 100 peratus kepada institusi berkenaan bagi memastikan anak mereka mendapat pendidikan rasmi.

Beliau berkata, ini kerana pendidikan paling penting bermula di rumah dengan ibu bapa sendiri harus meluangkan masa untuk mengajar anak mereka dan bukannya melepaskan tanggungjawab itu terhadap pusat asuhan.

"Tidak semestinya kalau hantar anak ke pusat asuhan terbaik, anak boleh jadi terbaik juga kerana institusi itu hanya sebagai sumber pendidikan, sebaliknya urusan asuhan, bimbingan perlu bermula dari rumah.

"Kena tanya peranan ibu bapa apa sumbangannya kita untuk perkembangan anak?" katanya.

Berhubung tindakan keluarga yang sanggup melakukan kerja sambilan demi mencukupkan keperluan anak, termasuk dalam aspek pendidikan awal katanya, jika ia menjaskannya fungsi mereka sebagai ibu bapa, khususnya membabitkan aspek perhatian kepada anak, ia harus diperbaiki.